

23 JUL 2002

Iran-Kesatuan/I

KESATUAN AKAN MANFAATKAN NEGARA ISLAM, KATA KHATAMI

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Presiden Iran Mohamad Khatami berkata cadangan beliau supaya diwujudkan "Kesatuan Islam" bertujuan menyatukan dan mengukuhkan persaudaran di kalangan negara-negara Islam ke arah mencapai kekuatan dan kemajuan ummah sejagat.

Katanya dengan sumber yang banyak di negara-negara Islam, umat Islam seharusnya mendapat manfaat daripadanya bagi menjadikan mereka lebih kuat dalam dunia sekarang.

"Jika semua negara Islam dapat bersatu, kita mampu mencapai kemajuan dan pembangunan dengan lebih cepat pada kos yang lebih rendah.

"Kita sepatutnya mempunyai kekuatan mempertahankan hak dan jatidiri...dan asas kekuatan ialah menerusi pengetahuan dan teknologi," katanya menerusi seorang penterjemah pada persidangan berita di sini hari ini.

Khatami tiba Ahad lepas untuk lawatan empat hari ke Malaysia. Ini merupakan lawatan pertamanya ke sini. Beliau diiringi rombongan 90 anggota termasuk beberapa menteri.

Khatami diminta menjelaskan cadangannya itu yang dikemukakan semasa perbincangan beliau dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam. Kedua-dua pemimpin itu telah membincangkan kemungkinan menggembelngkan kekayaan negara-negara Islam agar mereka menjadi suatu kuasa dalam ekonomi dunia.

Pemimpin Iran itu berkata bahawa selain sumber semula jadi, negara-negara Islam juga kaya dengan tenaga manusia dan golongan berbakat yang boleh juga digembelngkan untuk faedah bersama.

"Kesatuan memainkan peranan besar seperti (Kesatuan Eropah) di Eropah...dan OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) mungkin menjadi asas bagi inisiatif ini. Saya yakin banyak negara Islam akan berganding bahu," katanya.

Khatami negara-negara Islam kini mundur dalam pelbagai bidang kerana terdapat banyak perbezaan pendapat di kalangan mereka selain campur tangan oleh kuasa-kuasa besar.

Katanya kuasa-kuasa besar tahu bahawa negara-negara Islam kaya dengan sumber dan jika mereka bersatu, umat Islam akan menjadi satu kuasa besar di sunia.

"Mereka (kuasa besar) tidak mahu kuasa (umat Islam) wujud tetapi saya yakin bahawa pendapat umum dalam dunia Islam semakin menurun ke arah realiti ini," katanya.

Negara-negara Islam perlu mengetepikan perbezaan mereka demi kebaikan bersama, kata Khatami.

Katanya Iran berpendirian bahawa kuasa seperti itu tidak akan digunakan untuk menindas negara lain kerana ia mementingkan keamanan dan kesejahteraan untuk semua manusia dan demi kemakmuran dunia.

Kepada soalan tentang kemungkinan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq, Presiden Iran itu mengutuk sebarang campur tangan asing dan tidak mahu kedaulatan Iraq dicabuli.

"Sebarang campur tangan dalam hal ehwal dalaman Iraq bercanggah dengan kepentingan rakyat Iraq dan kepentingan negara-negara di rantau itu, dan ia akan menggugat keamanan dan ketenteraman serantau dan dunia," katanya.

Mengenai kenyataan Presiden Amerika George W.Bush bahawa Washington akan menggunakan segala kekuatannya untuk menggulingkan Presiden Iraq, Saddam Hussein, beliau berkata hanya rakyat Iraq mempunyai hak membuat

keputusan tentang apa yang baik untuk mereka.

Ketika ditanya tentang kenyataan Bush bahawa Iraq dan Iran adalah negara "tampak kejahatan" yang menyokong keganasan, Khatami berkata Iran tidak pernah mengamalkan kejahatan kerana negara itu sentiasa bergerak menuju ke arah kemajuan dan pembangunan.

Kepada soalan mengenai konflik Palestin-Israel, beliau berkata Amerika Syarikat sekali lagi gagal dalam peranannya kerana telah menyokong Perdana Menteri Israel Ariel Sharon yang mahukan pemimpin Palestin Yasser Arafat diketepikan daripada sebarang rancangan perdamaian.

Mengenai hubungan Malaysia-Iran, Khatami berkata Malaysia kaya dengan pengalaman dan mempunyai azam yang kuat untuk mencapai kemajuan.

Beliau juga berkata jika wujud satu kerjasama kukuh, Malaysia selaku pintu masuk ke Asia Tenggara dan Iran yang menyediakan pintu masuk ke Asia Barat dan Asia Tengah, akan sama-sama meraih keuntungan selain menjalin perpaduan antara rantau timur dan barat dunia.

-- BERNAMA

HS AKT MAI